

MAHATHIR-ULAMAK

1983

PETALING JAYA, 5 OGOS (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN UMAT ISLAM JANGAN TERPENGARUH DENGAN GOLONGAN YANG MENGGELAR DIRI MEREKA ULAMAK ATAU USTAZ YANG MENGGUNAKAN BAHASA ARAB UNTUK MENYEBARKAN AJARAN YANG TIDAK COCOK DENGAN ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA KINI TERDAPAT ORANG SEUMPAMA ITU YANG MENYEBARKAN DAKYAH DAN TAFSIRAN YANG SALAH DI MERATA TEMPAT DI NEGARA INI DAN UMAT ISLAM TERUTAMA YANG TIDAK BERPENGETAHUAN MENDALAM TENTANG ISLAM MUDAH TERPERDAYA.

+ORANG-ORANG INI MENGGUNAKAN PERKATAAN-PERKATAAN ARAB KERANA DALAM MASYARAKAT MELAYU DI NEGARA INI, KATA-KATA YANG BERASAL DARI ARAB DIANGGAP SAMA DENGAN ISLAM.+

+MEREKA INI TAHU, JIKA MENGGUNAKAN BAHASA LAIN, ORANG TIDAK MUDAH PERCAYA MEMANDANGKAN BAHASA ARAB ADALAH BAHASA ALQURAN,+ TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN +GERAK KERJA 1983+ ANJURAN PERGERAKAN WANITA UMNO DI KOMPLEKS JEMAAH HAJI KELANA JAYA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP ORANG MELAYU AKAN SEDAR BAHAWA AJARAN AGAMA ISLAM BOLEH JUGA DISAMPAIKAN DALAM BAHASA MALAYSIA. --LAGI 1625/MD

ZCZC 8573

RANCANGAN TV MALAYSIA HARI SABTU 6/8/83

ZCZC 8574

MAHATHIR-ULAMAK 2 PETALING JAYA

+KITA PATUT TAHU DI TANAH ARABPUN ADA YANG BERAGAMA KRISTIAN YANG SEMBAHYANG DENGAN MENGGUNAKAN BAHASA ARAB TETAPI DI NEGARA INI KITA MENGGANGAP BAHASA ARAB ADALAH BAHASA ALQURAN DAN TIDAK SESUAI DENGAN KRISTIAN.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR LALU MENCERITAKAN BAGAIMANA SEMASA BERSEKOLAH DAHULU BELIAU JUGA TERPENGARUH DENGAN SEORANG RAKAN YANG PANDAI BERCAKAP ARAB DAN BILA BERCAKAP LUAR DARI ALQURANPUN BELIAU INGATKAN IA BERCAKAP BERKENAAN ISLAM KERANA +BUNYINYA SEPERTI MEMBACA ALQURAN.+

SAMBIL MENGINGATKAN UMAT ISLAM SUPAYA JANGAN KELIRU TENTANG PERKARA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA JIKA ORANG ITU ULAMAK ATAU SHEIKH ISLAM SEPERTI YANG DIAKUINYA, ORANG LAINLAH YANG PERLU MEMBERI MEREKA GELARAN ULAMAK.

+INI MEREKA SENDIRI MEMBERIKAN GELARAN ULAMAK ATAU SHEIKH ISLAM UNTUK MENAIKKAN DIRI SENDIRI. SAYAPUN KALAU BEGITU ULAMAK LAH TETAPI DALAM BIDANG LAIN,+ TAMBAH BELIAU DISAMBUK DENGAN GELAK KETAWA PARA ANGGOTA WANITA UMNO.

BELIAU MENGINGATKAN YANG PENTING DALAM MENYEBARKAN AJARAN ISLAM IALAH NIAT ATAU TUJUAN YANG BAIK DAN YANG LAIN TIDAK PENTING. --BERNAMA 1630/MD